

Istana Negara terima Sijil Perakuan Bomba

KUALA LUMPUR - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyampaikan Sijil Perakuan Bomba kepada Istana Negara setelah melalui pemeriksaan keselamatan rapi dan teliti, semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan berkata, sijil itu adalah pengiktirafan kepada Istana Negara yang mempunyai fasiliti keselamatan, diselenggarakan dengan baik mengikut standard ditetapkan.

"Pemberian sijil tersebut membuktikan sistem kebombaian dan fasiliti Istana Negara berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi pada bila-bila masa.

"Ia (sijil) perlu diperbaharui setiap tahun dan dalam aspek ini, pihak pengurusan Istana Negara perlu sentiasa memastikan sistem dalam keadaan baik," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil yang diadakan bersempena Perhimpunan Bulanan Istana Negara.

Turut hadir, 400 kakitangan dan pegawai Istana Negara, antaranya Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz.



Wan Ahmad Dahlan (kiri) menerima sijil perakuan bomba Istana Negara daripada Khirudin, semalam.

Pemberian sijil tersebut membuktikan sistem kebombaian dan fasiliti Istana Negara berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi pada bila-bila masa."

- Khirudin

Khirudin berkata, penilaian diberikan berdasarkan pelbagai aspek keselamatan termasuk sistem pengesanan asap yang aktif, sprinkler dan salur pancur basah terdapat di kompleks Istana Negara.

Sementara itu, Wan

Ahmad Dahlan berkata, sijil tersebut adalah pengiktirafan kepada Istana Negara kerana Istana Negara banyak menganjurkan acara melibatkan Yang di-Pertuan Agong, pemimpin dan pembesar luar negara. - Bernama